

PELESTARIAN DAN PENYEBARAN ILMU WATAN DALAM PENYELIDIKAN HAB HALAL DARIPADA PERSPEKTIF MALAYSIA DAN GLOBAL

oleh:

**Hashim Hj Musa, Nurdeng Deuraseh,
Salmah Jan binti Noor Muhammad, Rozita binti Che Rodi**
Universiti Putra Malaysia

1. Pendahuluan

Kecemerlangan masyarakat perlu diukur berteraskan tahap *kehalusan tatasusila dan keluhuran kebudayaan sesuatu masyarakat insan*. Keadaan halusnya *budipekerti* dan luhurnya *akal-budi* (yang merupakan perkara batin) pasti akan dilahirkan dalam kehidupan masyarakat yang dipandukan oleh agama, politik, pendidikan, perundangan dan lain-lain berkaitan pentadbiran yang menjamin kemajuan dan keselamatan masyarakat. Kecemerlangan tamadun dan pembentukan budaya hidup berkualiti terutamanya dalam menghadapi era globalisasi, hegemoni barat, modenisasi dan pemikiran pasca-modernisme, harus berteraskan kepada sumber-sumber bersifat kewahyuan. Al-Quran merupakan kitab suci Allah yang telah diwahyukan kepada Nabi Muhammad (s.a.w) melalui Jibril untuk dijadikan rujukan utama dalam pembinaan dan penyelesaian masalah berkaitan tamadun manusia. Dalam hal ini, al-Quran telah menyuruh supaya manusia mempertingkatkan taraf adab dan memperhaluskan *budipekerti* serta menimbulkan *jatidiri* insani tiap-tiap anggota masyarakat dengan ilmu pengetahuan. Berkaitan dengan ini, manusia diminta supaya mempertingkatkan adab atau tamadun dengan perubahan demi kebaikan serta menjalankan tanggungjawab dengan beradab sebagai teras kecemerlangan. Manusia juga harus mempelajari dan berinteraksi serta bersatu menghadapi era globalisasi serta

menghayati sains dalam al-Quran kerana ia adalah di antara yang terpenting untuk membina tamadun dan insan cemerlang. (Wan Mohd Nor Wan Daud, 1998, Wan Mohd Nor Wan Daud, 2001).

Masyarakat Melayu¹ seperti masyarakat lain telah berusaha memperhalus *budipekerti* serta menimbulkan *jatidiri* insani tiap-tiap anggota masyarakatnya dengan ilmu watan dalam pelbagai disiplin. Kertas kerja ini akan membincangkan ilmu watan persektif Halal-Haram berteraskan perkara-perkara berikut:

- 1) Pendahuluan
- 2) Ilmu halal haram sebagai ilmu watan
- 3) Konsep halal dan haram dan tuntutan globalnya
- 4) Kajian tentang halal dan haram di Malaysia dan IPPH UPM
- 5) Peranan IPPH dalam sumbangan perkhidmatan kepada masyarakat tentang halal haram
- 6) Kerjasama penyelidikan IPPH dengan badan yang lain
- 7) Hab halal di alam Melayu dan global

¹Masyarakat Melayu merupakan penduduk asal di Tanah Melayu dan merupakan etnik majoriti di Malaysia iaitu 58.6% pada tahun 1911 dan 49.8% pada tahun 1957. Pandangan semesta Melayu telah dipengaruhi oleh pelbagai budaya terutamanya pengaruh Hindu-Buddha dan Islam. Pengaruh pandangan semesta Islam terserlah hingga takrif Melayu telah dimasukkan dalam Perlembagaan Malaysia. Menurut Perkara 160 (2). Perlembagaan Malaysia menyatakan orang Melayu itu mestilah beragama Islam, mengamalkan adat budaya Melayu, bertutur menggunakan bahasa Melayu dan lahir sebelum hari merdeka sama ada di Tanah Melayu atau Singapura, atau pada hari merdeka telah bermastautin di Tanah Melayu atau Singapura, dan keturunan daripada orang yang demikian itu.

8) Penutup

2. Ilmu Halal Haram sebagai Ilmu Watan

Mengapa ilmu tentang halal Haram semestinya menjadi satu asas ilmu watan bagi Malaysia dan semua negara umat Islam? Tidak dapat dinafikan bahawa ilmu halal-haram watan bermula selepas berlaku proses Islamisasi ilmu watan berteraskan pandangan alam daripada animisme dan estetika Hindu-Buddha yang terdapat dalam kehidupan masyarakat Melayu Nusantara kepada pandangan alam Islam berteraskan halal dan haram selaras dengan akidah Tawhidiyyah. Proses ini telah dilakukan oleh pelbagai cendekiawan dan cerdik pandai yang memiliki autoriti dalam bidangnya. Proses Islamisasi ilmu halal-haram watan berlaku selaras dengan konsep ilmu watan Islam yang tidak dibatasi hanya pada amalan, pengetahuan dan kajian Ilmuwan Islam era junjungan Nabi Muhammad s.a.w. dan al-Khulafa' al-Rashidun. Proses itu yang kemudiannya diteruskan oleh ilmuwan Islam zaman Umayyah dan Abbasiah selepas penterjemahan khazanah ilmu Yunani ke bahasa Arab . Ilmu watan Islam secara umum dan ilmu watan Melayu atau ilmu tradisional Melayu secara khusus difahami dan ditentukan berasaskan *ru'yat al-Islam li al-wujud* atau pandangan alam semesta Islam (*Islamic Worldview*). (Deuraseh, 2010). Ciri-ciri ilmu watan yang telah diIslamisi ini telah ditegaskan dalam penulisan berjudul *Islam and Secularism* oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas. Beliau berpendapat:

“Islamisasi ilmu masa kini melibatkan pembebasan manusia pertama-tama daripada tradisi-tradisi yang berunsurkan kuasa magis, mitos, tahyul, animisme, kebudayaan nasional yang berlawanan dengan Islam, dan kemudian pembebasan dari kongkongan sekular terhadap akal dan bahasanya. Ilmu sains bersifat Islami bukan kerana ianya di hasilkan oleh ahli sains Muslim, tetapi sejauh mana ianya terbebas daripada sekularisme. (*The 'Islamization' of contemporary knowledge will entail the 'liberation of man first from magical, mythological, animistic, national-cultural tradition apposed to Islam, and then from secular control over his reason and his language. Science becomes Islamic, not*

*because it has been produced by Muslim scientists, but to the extent that it exhibits its liberation from secularism).*²

Ilmu watan Melayu mempunyai identiti tersendiri. Ia boleh difahami sebagai kebijaksanaan asli atau natif bagi sesuatu bangsa, masyarakat atau komuniti, yang dicipta, dipupuk dan diperturunkan melalui pewarisan, ataupun yang dicipta, diketemui dan digunakan dalam kehidupan mereka, yang serasi dan seiring dengan ekosistem kelompok itu.

Ilmu tentang halal merupakan satu keperluan dan kewajipan yang asasi bagi semua umat Islam demi menjamin segala apa yang ada dalam ekosistemnya, sama ada yang dicernakan ke dalam dirinya ataupun yang digunakan di luar dirinya, adalah dalam keadaan penuh kepatuhan dengan apa yang ditetapkan oleh Allah SWT dan Rasul SAW, seperti yang termaktub dalam al-Qur'an dan Hadith Nabi:

Firman Allah SWT:

“Diharamkan atas kamu (memakan) bangkai (binatang yang mati tidak disembelih) dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semua bahagiannya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana selain Allah SWT, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh daripada tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya)...” (Surah al-Ma'idah (5): 3)

“Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak (*al-khamr*) dan judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.” (Surah al-Ma'idah (5): 90)

² S.M.N. al-Attas, *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur: ABIM, 1978, cetakan kedua oleh ISTAC, Kuala Lumpur, 1993, ms. 44–45. Suatu perbincangan yang komprehensif terhadap projek pengislaman ilmu-ilmu semasa al-Attas boleh didapati dalam Wan Mohd Nor Wan Daud, *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas*, (Kuala Lumpur: ISTAC, 1998), 291–369.

Hadith Nabi SAW:

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud : “Seorang lelaki bermusafir sehingga rambutnya menjadi kusut dan mukanya di penuh debu. Dia menadah tangannya dan berdoa kepada Allah sedangkan makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan mulutnya disuapi dengan sesuatu yang haram, bagaimana akan diperkenankan pemohonannya?”.
(Hadith Riwayat Muslim, Ahmad & Tirmizi)

Saad bin Abi Waqas bertanya kepada Rasulullah SAW: “Wahai Rasulullah, pintalah kepada Allah agar Dia menjadikan doaku mustajab. Jawab Rasulullah SAW: ‘Wahai Saad, jagalah soal makanmu nescaya kau menjadi orang yang makbul doanya. Demi Allah yang nyawa Muhammad dalam tanganNya, jikalau seseorang lelaki memasukkan sesuap makanan haram dalam perutnya, doanya tidak akan diterima selama empat puluh hari. Sesiapa hamba yang dagingnya tumbuh dari makanan haram dan riba maka neraka lebih layak baginya.” (Hadith Riwayat Ibnu Abbas)

Hadis Ibnu Umar r.a katanya: Rasulullah SAW bersabda:

“Setiap minuman yang memabukkan adalah arak dan setiap yang memabukkan adalah haram. Sesiapa yang meminum arak di dunia lalu meninggal dunia dalam keadaan dia masih tetap meminumnya dan tidak bertaubat, maka dia tidak akan dapat meminumnya di Akhirat kelak (di Syurga).” (Sahih Muslim)

Berdasarkan ayat al-Qur’an dan Hadith Nabi SAW di atas, maka menjadi satu keperluan mendesak untuk semua orang Islam seluruhnya, termasuklah orang-orang Islam di Alam Melayu ini untuk mengenali apa yang haram dan apa yang halal. Ilmu demikian harus disemai, dipupuk, digembur, disebar dan dilestarikan sebagai suatu kebijaksanaan watan yang selaras dan seiring dengan keperluan ekosistem masyarakat dan penduduk di wilayah ini dan juga masyarakat Islam secara global.

Bahkan wilayah Melayu ini yang keanggotaannya terdiri daripada wilayah ASEAN merupakan di antara hab masyarakat Muslim utama di dunia. Statistik menunjukkan 232 juta umat Islam kira-kira 41.3%, adalah sebahagian daripada 560 juta penduduk wilayah ASEAN, iaitu 203 juta di Indonesia, 16.6 juta di Malaysia, 4.7 juta di Filipina, 4 juta di Thailand, 1.9 juta di Burma (Myanmar), 0.7 juta di Singapura, 0.3 juta di Brunei, 0.2 juta di Kampuchea dan kurang sedikit daripadanya di Vietnam.³ Manakala jumlah orang Islam di dunia juga dijangka akan meningkat sebanyak 35% dalam masa 20 tahun lagi, iaitu meningkat daripada 1.6 bilion pada tahun 2020 kepada 2.2 bilion pada tahun 2030.⁴ Menjadi satu kefarduan kepada semua orang Islam untuk memahami dan mengamalkan peraturan halal haram ini tanpa terkecuali. Selain itu, keperluan kepada pengesahan, penyediaan dan penyebaran barangan halal kepada seluruh umat Islam itu juga menjadi kefarduan yang dituntut oleh agama Islam.

Berdasarkan perangkaan ini, isu dan perdagangan barangan halal berkeupayaan menjadi suatu kuasa besar dalam alam perdagangan dunia kini dan juga yang mendatang. Oleh yang demikian wilayah ASEAN khususnya wilayah Melayu boleh memainkan peranan yang utama demi memenuhi tuntutan murni agama Islam supaya amalan seluruh umatnya dalam keadaan kepatuhan kepada hukum halal haram ini. Juga oleh kerana majoriti orang Islam di wilayah ini daripada keturunan rumpun Melayu, berbahasa Melayu, dengan adat dan budaya Melayu, maka peranan memupuk, menyebarkan dan melestarikan ilmu halal sebagai ilmu watan wilayah ini, amatlah penting dilakukan dengan perantaraan bahasa Melayu agar penyebaran dan

³ Rujuk: <http://www.jotasean.com/2009/10/muslims-of-asean.html>.

⁴ Menurut unjuran penduduk terbaharu oleh *the Pew Research Center's Forum on Religion & Public Life* bahawa penduduk Muslim secara global akan bertambah dengan kadar dua kali ganda orang bukan Islam dalam dua dekad lagi – purata pertambahan orang Islam 1.5% berbanding dengan bukan Islam 0.7%. Sekiranya tren ini berterusan orang Islam akan membentuk 26.4% iaitu 2.2 bilion daripada penduduk dunia 8.3 bilion dalam tahun 2030 (rujuk <http://www.pewforum.org/The-Future-of-the-Global-Muslim-Population.aspx>).

pemahamannya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh majoriti penduduk wilayah ini. Usaha demikian juga akan meningkatkan lagi daya pengintelektualan bahasa Melayu itu sendiri supaya dengan itu dapat mengangkatkannya sebagai satu bahasa dunia yang penting.

Namun tidak dapat dinafikan keperluan untuk menggapai dan memanfaatkan seluruh umat Islam di seluruh dunia melalui perantaraan bahasa umat Islam yang utama, iaitu bahasa Arab dan juga bahasa dunia yang utama, iaitu bahasa Inggeris, maka ilmu halal haram ini juga harus disebarluaskan secara global dalam bahasa-bahasa dunia yang lain. Dengan kesedaran dan rasa tanggungjawab yang begitu besar, maka wilayah Melayu ini boleh menerajui dan mempelopori pemupukan, penyebaran dan pelestarian ilmu halal haram ke seluruh dunia dan menjadikan wilayah ini sebagai hab halal global.

3. Konsep Halal dan Haram dan Tuntutan Global

Dalam usaha membina masyarakat yang cemerlang, pelbagai cabaran harus dihadapi. Ini adalah fitrah pembinaan sebuah tamadun cemerlang yang seterusnya dapat membentuk budaya hidup berkualiti terutamanya dalam menghadapi era globalisasi, hegemoni barat, modenisasi dan pemikiran pasca-modenisme. Dalam hal ini, halal dan haram telah diiktiraf sebagai tuntutan global bukan tuntutan watan lagi. Selarasa dengan konsep halal dan haram dalam Islam, barangan yang halal sesungguhnya bukan sahaja baik, manfaat dan mustahak untuk orang Islam tetapi juga berkualiti dan terjamin kesuciannya untuk semua manusia secara universal. (Deuraseh, 2009). Ini adalah kerana konsep halal bukan sahaja meliputi aspek syariah malah berkait rapat juga dengan aspek teknikal seperti kebersihan, keselamatan dan kesempurnaan

sebagaimana dibincangkan berdasarkan konsep *toyyibat* seperti yang termaktub dalam al-Qur'an (maksudnya):

“Wahai manusia makanlah daripada apa yang di bumi yang halal dan baik (*halalan toyyiban*), dan janganlah kamu mengikuti jejak langkah syaitan, Sesungguhnya syaitan itu bagi kamu musuh yang terang nyata.” (Surah al-Baqarah: 168)

Firman Allah SWT yang lain:

“Wahai orang yang beriman, janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik (*toyyibat*) yang telah dihalalkan oleh Allah bagi kamu...” (Surah al-Maidah: 87)

Istilah *toyyibat* atau bentuk tunggalnya *toyyib* dalam bahasa Arab bermakna “baik atau indah”, iaitu daripada akar kata *tōba*. Ibn Manzur dalam *Lisan al-Arab* (Ibn Manzur, t.t, 4: 2731-4), iaitu kamus Arab klasik yang paling komprehensif, mendefinisikan *tōba* sebagai “baik, menyenangkan, menggembirakan, lazat, manis dan suci.”. Manakala Idris al-Marbawi dalam kamusnya *Qamus Idris al-Marbawi Arab-Melayu (H 1350/M 1931: 372)* mendefinisikan *toyyibat* sebagai “halal, tak haram, elok, bagus”. Selain itu, Toshihiko Izutsu seorang sarjana ilmu Islam berbangsa Jepun telah menghuraikan konsep *toyyib* dalam bukunya *The Structure of the Ethical Terms in the Qur'an* (1959: 243), seperti berikut:

“*Toyyib* ialah kata adjektif... yang merujuk sesuatu sifat yang terkesan kepada pancaindera – terutamanya indera rasa dan bau - dengan makna menggembirakan, menyenangkan, manis/harum... yang selalu digunakan untuk menyifatkan makanan, minuman, wangian, dan sebagainya. (*Toyyib is an adjective... to denote any quality that strikes the senses – the senses of taste and odor, in particular – as very delightful, pleasant, and sweet... most frequently used to qualify food, water, perfume and the like.*)”.

Kesimpulannya, konsep halal sememangnya dikaitkan dengan sesuatu yang memberikan kebaikan kepada semua manusia dalam kehidupan mereka secara sejagat, bukan sahaja kepada orang Islam malah bukan Islam. Kebaikan dan manfaat itu akan membentuk tubuh fizikal yang sihat malah melahirkan semangat dan sikap akhlak yang terpuji. Sebaliknya benda yang haram akan memudaratkan jasad, membentuk akhlak yang buruk dan emosi yang tidak stabil. Hakikat ini terbukti apabila penelitian dan perbincangan tentang bahaya dan akibat buruk pemakanan dan penggunaan benda-benda yang haram kepada manusia secara umumnya, seperti yang digariskan dalam Surah al-Maidah ayat 3 dan ayat 90 di atas, berkenaan dengan beberapa benda seperti berikut:

- i) Bangkai (binatang yang mati yang tidak disembelih)
- ii) Darah (yang keluar mengalir)
- iii) Daging babi (termasuk semua bahagian babi)
- iv) Binatang-binatang yang disembelih kerana selain Allah SWT
- v) Arak dan segala bahan yang memabukkan

Huraian dan rasional bagi setiap benda tersebut daripada segi pengharamannya adalah seperti berikut:

- i) Bangkai binatang sama ada yang mati sendiri kerana penyakit atau kerana tercekik, terpukul, terjatuh, terkena kejutan elektrik, terbunuh oleh haiwan atau manusia sebelum diucapkan nama Allah SWT, diharamkan kerana beberapa faktor. Antara yang utamanya ialah kemungkinan besar dagingnya mengandungi kuman yang membawa penyakit, dan yang ketika matinya tanpa disembelih secara Islam, darahnya tidak

mengalir keluar dengan betul yang boleh mengandungi pelbagai virus, malah hormonnya juga boleh menyebabkan penyakit.

ii) Darah yang mengalir diharamkan kerana kejijikannya dan aspek kemudharatan, berkemungkinan mengandungi pelbagai virus, hormon yang juga boleh menyebabkan penyakit.

iii) Babi diharamkan kerana haiwan ini tergolong dalam kategori binatang yang kotor dan menjijikkan yang dibuktikan mengandungi pelbagai jenis cacing gelang seperti *Trichinella Spiralis (Trichina)* yang boleh berjangkit kepada manusia jika memakannya. Di samping itu, fizikal dan tabiat hidup babi juga mempunyai sifat yang hodoh, buruk, tamak, gelojoh, dan jahat.

iv) Binatang yang disembelih kerana selain Allah SWT jelas mendatangkan kerosakan kepada rohani dan akidah orang Islam.

v) Arak atau alkohol dan bahan-bahan lain yang memabukkan seperti dadah diharamkan kerana mendatangkan bahaya kepada badan manusia terutama otaknya yang boleh menjejaskan kewarasan dan kestabilan fikirannya dan seterusnya membawa kepada perbuatan yang melanggar perintah Allah SWT.

Oleh yang demikian adalah amat wajar dan benar sekali untuk menegaskan bahawa sesuatu benda yang halal dan toyyiban itu sesungguhnya mendatangkan kebaikan kepada manusia seluruhnya, dan sesuatu yang haram itu mendatangkan keburukan kepada manusia.

4. Kajian tentang Halal dan Haram di Malaysia dan IPPH UPM

Pengkajian tentang barangan dan produk halal dan haram telah menjadi satu perkara yang dititikberatkan oleh kerajaan Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan telah menggalakkan penubuhan pusat dan institusi kajian halal termasuklah penyelidikan, perkhidmatan, pendidikan, dan latihan berkaitan halal. Antara pusat dan institusi kajian halal haram yang telah ditubuhkan di Malaysia ialah:

i) Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH)

Universiti Putra Malaysia,
Putra Infoport, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor.

ii) International Institute for Halal Research and Training (INHART)

Ground Floor, Block E0, Kulliyah of Engineering,
International Islamic University Malaysia, P.O. Box 10 Kuala Lumpur.

iii) Institute of Halal Research & Management (IHRAM)

Level 3, Faculty of Leadership and Management Building,
Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.

iv) Halal Science Programme, Faculty of Islamic Civilization, UTM

Faculty of Islamic Civilisation, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor.

v) Kolej Islam Sains dan Teknologi (KIST)

Kampus Utama Ibnu Sina, Lot 1798-1800 Mukim Telong, 16300 Bachok, Kelantan.

5. Peranan IPPH dalam Sumbangan Perkhidmatan kepada Masyarakat tentang Halal Haram

Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah ditubuhkan pada 1 Julai 2006, selepas aktiviti menstrukturkan semula Institut Makanan Halal (IMH), dan penyelidikannya ditumpukan kepada penyelidikan dan pembangunan produk halal. IPPH juga menjadi satu pusat sehati atau hab melalui pendekatan yang multisudut tentang penyelidikan produk halal daripada aspek yang pelbagai. Sebagai sebuah pusat halal Malaysia, IPPH memainkan peranan yang utama sebagai penggerak kajian dalam memberi sokongan kepada beberapa sektor serta agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam dan luar negara. Antaranya ialah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Perbadanan Pembangunan Halal (Malaysia) (Halal Development Corporation (HDC), Pakistan Halal Development Corporation, Universiti Islam Sultan Syarif Ali (UniSSA) (Brunei), dan Jabatan Standard Malaysia. Oleh kerana itu, IPPH merupakan pusat rujukan bagi *Global Halal Products Research and Development*.

Visi IPPH ialah “Menjunjung Kesucian Halal Melalui Penyelidikan dan Perkhidmatan” manakala misinya ialah “Komitmen Menyeluruh Terhadap Perusahaan dan Globalisasi Halal”. Objektif utama penubuhan IPPH adalah untuk melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (*R&D*) tentang produk halal dan pemprosesannya. Malah turut menawarkan perkhidmatan latihan dan khidmat analisis bahan-bahan, membangunkan pangkalan data produk dan pemprosesan barangan halal, penyelidikan tentang isu berkenaan dengan polisi halal dan menjalinkan kerjasama yang aktif dengan agensi-agensi lain ke arah mencapai matlamat visi Malaysia sebagai hab halal global.

5.1 Khidmat analisis bahan

Khidmat analisis bahan bergiat aktif dalam bidang pembuktian dan pengesahan (*authentication & verification*) produk makanan dan bukan makanan terhadap penentuan halal haram. IPPH juga telah membangunkan pelbagai teknik baharu dalam pengesanan bahan-bahan bukan melalui pendekatan analitikal saintifik dan kajian makmal.

Terdapat pelbagai aktiviti penyelidikan yang telah dijalankan oleh IPPH, iaitu meliputi aspek analitikal saintifik, pembangunan undang-undang dan aplikasi syariah. Antaranya ialah:

- a) Pengesanan lemak babi atau *lard* dalam produk makanan seperti coklat, kek dan biskut, penapisan (*Refined*), pemutihan (*Bleached*) & penyahbauan (*Deodorised*) (RBD) bagi minyak kelapa sawit, pengesanan produk gorengan dan bakaran (*fried and bakery products*) dengan penggunaan spektroskopi inframerah (*Fourier transform infrared (FTIR) spectroscopy*), pengimbas perbezaan kalorimetri (*Differential scanning calorimetry (DSC)*), penguji bahan immunoerap kaitan-enzim (*Enzyme-linked immunosorbent assay (ELISA)*) dan penghidu elektronik (*electronic nose*).
- b) Pemeriksaan dan pengkelasan sampel minyak dan lemak berasaskan haiwan dan tumbuhan dengan penggunaan FTIR.
- c) Pengesanan alkohol dalam minuman bikarbonat dengan penggunaan spektrometri kromatografi-bongkah gas (*Gas chromatography–mass spectrometry (GC-MS)*)
- d) Pencirian gelatin berasaskan haiwan dengan penggunaan Kromatografi Cecair Prestasi Tinggi (*High Performance Liquid Chromatography (HPLC)*) dan elektroforesis.
- e) Penstrukturan semula kaedah verifikasi alternatif halal haram seperti Istihalah (perubahan), Istihlak (penguraian), Istibra' (pengkuarantinan), dan Intiqal

(pemindahan). Kaedah-kaedah ini dibangunkan untuk membantu dalam penentuan status halal haram produk gunaan masa kini. Selain itu, turut memperkembangkan istilah-istilah fiqh halal haram tersebut dalam bentuk praktis di kalangan masyarakat Malaysia.

- f) Kajian-kajian integrasi ilmu di antara sains dan fiqh terhadap beberapa isu semasa seperti penentuan kadar alkohol dalam produk makanan dan bukan makanan, status penggunaan pewarna daripada serangga *carmine* dan kopi luwak.
- g) Kajian kesedaran halal di kalangan pengguna, pengusaha industri Halal dan badan pensijilan di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.
- h) Kajian penambah baikan standard dan prosedur pensijilan halal serta penguatkuasaannya, misalnya bekerjasama dalam pembangunan standard Halal di antara agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Ini termasuklah Jabatan Standard Malaysia dan HDC.
- i) Pembangunan standard pelancongan halal di Malaysia dan implikasinya kepada perkembangan ekonomi serantau. Turut terlibat dalam memperkemaskan modul praktis halal bagi sektor perhotelan melalui penyelidikan bersama Pusat Pelancongan Islam (*Islamic Tourism Center*) di bawah Kementerian Pelancongan Malaysia (MOT).
- j) Kajian berkaitan penerimaan ‘uruf (budaya) pemakanan halal di kalangan masyarakat Nusantara sebagai salah satu faktor perkembangan ekonomi yang sihat.

Bidang khidmat kepakaran yang ditawarkan oleh IPPH merangkumi pelbagai aspek seperti lemak dan minyak, makanan dan bukan makanan yang halal, mikrobiologi, bioteknologi, kualiti daging, pengurusan penyembelihan, sains dan teknologi makanan, pemprosesan dan kejuruteraan

makanan, perdagangan halal, hukum syariah tentang halal haram, perkhidmatan veterinar, nutraseutikal, farmaseutikal dan kosmetik.

Penggemblengan pengetahuan teknologi dan ilmu sains di IPPH serta pelbagai inovasi telah membolehkannya bekerjasama dengan beberapa rakan kongsi dengan pelbagai aktiviti penyelidikan. IPPH juga menawarkan program latihan yang diolah dalam bentuk kursus dan bengkel jangka pendek dan juga yang memenuhi kehendak spesifik. Satu daripada kursus yang ditawarkan dan mendapat sambutan mengalakkan ialah kursus penyembelihan yang merangkumi aspek teori, tunjuk ajar praktikal dan juga lawatan ke rumah sembelih atau *abattoir* dan makmal penyelidikan. Selain itu, IPPH juga mengendalikan bengkel tiga hari tentang pengesanan produk halal dengan penggunaan kaedah reaksi rantai polimerase (*polymerase chain reaction (PCR)*) yang memperkenalkan kepada peserta sains dan falsafah halal secara gambaran keseluruhan mengenai penyaringan DNA (Asid Deoksiribonukleik (*deoxyribonucleic acid*) daripada sampel makanan, penyediaan campuran PCR dan cara menjalankan PCR secara biasa.

5.2 Program Penyelidikan

IPPH mempunyai beberapa program penyelidikan untuk pembangunan ummah yang cemerlang berdasarkan tiga laboratorinya yang utama, iaitu Laboratori Penyelidikan Sains Halal, Laboratori Polisi dan Pengurusan Halal dan Laboratori Perkhidmatan Halal. Terdapat dua program penyelidikan di bawah Laboratori Penyelidikan Sains Halal, iaitu analisis dan autentikasi produk halal serta inovasi produk halal. Manakala dua program lain terdapat dalam Laboratori Polisi dan Pengurusan Halal. Laboratori ini menawarkan program penyelidikan berkaitan syariah dan undang-undang halal serta pengurusan dan perniagaan halal. Selain itu, untuk Laboratori

Perkhidmatan Halal pula menawarkan tiga jenis program perkhidmatan, iaitu analisis produk, latihan dan perundingan. Berikut ini ialah huraian lanjut setiap program bagi setiap laboratri yang dijalankan:

5.3 Laboratri Penyelidikan Sains Halal

a) Analisis dan autentikasi produk

Program penyelidikan ini memfokuskan penelitian kepada penentuan kehadiran bahan tidak halal di dalam produk makanan dan bukan makanan dengan menggunakan teknik/kaedah yang cepat dan tepat. Pelbagai teknik analitikal atau kaedah yang telah dimanipulasikan untuk tujuan tersebut melibatkan kromatografi, spektroskopi, biologi molekul, elektroforesis, kalorimetri, biosensor, dan mikroskopi. Melalui penentuan bahan tidak halal, pelbagai teknik/kaedah yang spesifik telah dibangunkan yang berpotensi untuk pengkomersilan. Teknik/kaedah ini akan melalui proses validasi dan verifikasi untuk memastikan kesesuaian penggunaannya untuk pelbagai matrik (*matrices*) produk makanan dan bukan makanan.

b) Inovasi produk halal

Penyelidikan yang dijalankan di bawah program penyelidikan ini akan memberi tumpuan kepada penghasilan proses alternatif menggunakan sumber halal bagi menggantikan sumber yang mempunyai unsur-unsur tidak halal pada masa kini. Contoh kajian yang dijalankan adalah seperti penyelidikan enzim alternatif halal bagi menggantikan enzim yang tidak halal. Selain itu, program penyelidikan ini juga akan memberi tumpuan terhadap isu alkohol dalam makanan dan minuman yang terdapat dalam pasaran. Pada masa yang sama, kajian juga akan tertumpu kepada pencarian bahan/material alternatif seperti gelatin gentian halal, enzim daripada sumber

tumbuhan dan lain-lain lagi. Penyelidikan yang terlibat di dalam program ini akan memberi tumpuan untuk menangani masalah sumber protein dan lipid yang tidak halal. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan akan memberi penekanan terhadap inovasi sumber protein dan lipid yang halal. Contohnya adalah seperti penghasilan emulsifier daripada sumber lipid yang halal tetapi boleh menyamai sifat-sifat emulsifier daripada sumber yang tidak halal.

5.4 Laboratori Polisi dan Pengurusan Halal

a) Syariah dan undang-undang halal

Antara bidang tumpuan yang diberi fokus di bawah program ini ialah pembangunan undang-undang serta sistem kawalan berkesan berkaitan industri produk halal. Isu-isu utama seperti tadbir urus halal, penguatkuasaan undang-undang, liabiliti dan keselamatan produk, pembangunan dan pengurusan fatwa serta perkembangan fiqh dan usul produk halal, dan pengurusan dan perniagaan halal. Penyelidikan yang dijalankan di bawah program ini memberi tumpuan terhadap pembangunan sistem jaminan serta penjenamaan produk halal. Isu-isu utama seperti pengurusan kualiti, sistem jaminan kualiti, pengurusan logistik, pengurusan pembekalan berantai, pemasaran, gelagat pengguna, serta pelancongan dan hospitaliti adalah antara bidang tumpuan yang diberi fokus di bawah program ini.

5.5 Laboratori Perkhidmatan Halal

a) Analisis Produk

Program perkhidmatan ini menawarkan perkhidmatan analisis untuk mengesan bahan tak halal dalam produk makanan dan bukan makanan dengan menggunakan teknik/kaedah analitikal berasaskan kromatografi (cecair dan gas), spektroskopi, biologi molekul dan mikroskopi.

Melalui program ini, tawaran untuk validasi kaedah analisis juga dijalankan dalam rangka mencapai akreditasi ISO 17025 atau Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM).

b) Latihan

Program ini termasuk melatih juruanalisis halal dalam teknik mengesan kehadiran bahan tak halal melalui kaedah molekul, spektroskopi, kromatografi dan mikroskopi. Latihan juga ditawarkan kepada pengamal industri dan agensi kerajaan dalam meningkatkan kesedaran pegawai terhadap isu semasa halal dan teknik analisis dalam pengesanan bahan tak halal. Antara latihan yang ditawarkan ialah latihan peningkatan kepakaran juru audit halal dalam mengenalpasti bahan tak halal dalam produk makanan dan bukan makanan. Kursus pendek yang ditawarkan termasuk kursus penyembelihan halal, kursus pengurusan harta, kursus kesedaran halal dan kursus instrumentasi yang ditawarkan dengan kerjasama pembekal dan pengeluar peralatan.

c) Perundingan

Program perkhidmatan ini menawarkan khidmat profesional dalam pembangunan infrastruktur dan makmal berkaitan analisis halal yang ingin dibangunkan oleh agensi kerajaan, pemegang amanah harta industri halal dan pihak luar negara. Antara perkhidmatan yang ditawarkan ialah perkhidmatan penasihat pematuhan halal dan keusahawanan halal (*halal compliance and entrepreneur advisory service*) bagi penngusaha industri yang ingin mendapatkan pensijilan halal, pembangunan standard bagi pelbagai produk halal, dan panel perunding untuk makmal analisis luar JAKIM.

6. Kerjasama Penyelidikan IPPH dengan Badan yang lain

Di samping itu, IPPH juga telah menjalinkan kerjasama penyelidikan dan pemindahan ilmu watan melalui beberapa memoranda persefahaman atau MOU dengan beberapa institusi dalam dan luar negara. Antaranya yang telah ditandatangani dengan IPPH ialah:

i) Agilent Technologies Sales (M) Sdn. Bhd

Bentuk kegiatan

- a. IPPH dan Agilent Technologies bekerjasama untuk membangunkan kaedah menganalisis dan mengenal pasti kehadiran gelatin bersumberkan babi (*porcine*) dalam makanan proses dan makanan siap dengan menggunakan alat *LCMSMS Triple Quadrupole Agilent*;
- b. Bantuan dana penyelidikan yang disediakan oleh Agilent Technologies kepada IPPH bertujuan membangunkan kaedah ini dengan tujuan menerbitkannya dalam masa 1 tahun selepas penndatangan MOU ini dijalankan;
- c. Agilent Technologies akan memberikan kesanggupan penyediaan sumber kepada makmal IPPH;
- d. Menjamin sokongan dan pelaburan oleh IPPH kepada Agilent melalui “perjanjian kolaborasi rasmi”;
- e. Capaian awal terhadap peningkatan teknologi dan prahebahan hasil kerja-kerja kolaborasi;
- f. Capaian kepada makmal IPPH sebagai makmal rujukan global;
- g. Mengadakan bengkel dan majlis bersama demi mempromosi penggunaan teknik analisis terbaharu bagi pengujian dan pengesahan status halal;

- h. Mengadakan liputan media secara kerjasama.

Menurut Forum Halal Sedunia (*World Halal Forum*) perdagangan makanan halal dunia berjumlah USD 662 bilion setiap tahun, iaitu kira-kira 17% daripada jumlah keseluruhan industri makanan dunia. Dengan demikian kerjasama antara IPPH, UPM dengan Agilent Technologies merupakan langkah utama dalam penyediaan ahli sains halal yang membolehkan pembangunan program penyelidikan kelas tinggi dunia yang berupaya memupuk keyakinan terhadap produk dan perkhidmatan halal. Kerjasama IPPH dengan Agilent Technologies mampu membantu negara Malaysia mempercepat perkembangan kegiatan ekonomi halal ke paras yang tinggi dan menjadikan Malaysia sebagai hab halal dunia.

ii. Miff Marketing (M) Sdn Bhd

Bentuk kegiatan

- a. Penyelidikan bersama dalam teknologi tanah liat MIFF;
- b. Pembangunan produk tanah liat MIFF; (Geran penyelidikan sebanyak RM250000);
- c. Pengujian tanah liat MIFF.

iii. Universiti Islam Sultan Syarif Ali (UNISSA), BRUNEI DARUSSALAM

Bentuk kegiatan

- a. Pertukaran pelajar;
- b. Bengkel dan program latihan bersama;
- c. Penyelidikan dan pembangunan bersama (R&D)
- d. Program pendidikan bersama;

- e. Pertukaran staff;
- f. Pertukaran hasil penerbitan.

7. Hab Halal di Alam Melayu dan Global

Di dalam beberapa dekad kebelakangan ini konsep halal dan haram telah menjadi suatu isu global terutama sekali di kalangan umat Islam di seluruh dunia. Kini isu halal haram memainkan peranan yang penting dalam pembentukan polisi dan strategi pemerintah, badan korporat multinasional, pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMI), projek Pengkajian dan Pembangunan (R&D) dan perdagangan serta pemasaran antarabangsa. Impak yang paling ketara isu halal haram tidak dapat dinafikan adalah ke atas sektor pemakanan yang melibatkan industri pengeluaran, peruncitan, restoran, pelancongan dan hospitaliti. Umpamanya di London kebanyakan restoran *Kentucky Fried Chicken (KFC)* terutama sekali di lokasi pelancongan popular, menyediakan ayam goreng halal yang diusahakan oleh orang Islam dengan sijil pengesahan halal oleh *Halal Food Authority of the United Kingdom (HFA UK)*. Isu halal haram juga kini menjadi faktor utama dalam persoalan kesihatan, keselamatan, pelabelan bahan, dan juga isu kawalan kualiti di seluruh dunia.

Di peringkat antarabangsa ada *World Halal Council (WHC)*, dan di Eropah ada *Association of Halal Certifiers, Europe (AHC)*, dan begitu juga terdapat badan-badan pengesahan halal di Australia, New Zealand, Kanda, Amerika Syarikat, Mexico, Argentina, Brazil, Chile, Afrika Selatan, Rusia, Sri Langka, India, Bangladesh, Pakistan, Thailand, Singapura, Indonesia, Filipina, China, Jepun, Korea, Taiwan dan lain-lain. Oleh yang demikian konsep halal haram seharusnya diluaskan supaya menjadi lebih menarik dan dapat diaplikasi dalam pasaran global.

Dengan demikian, perdagangan halal mampu menjadi sebagai kuasa terbaharu dalam alam perdagangan dunia.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Sekretariat Halal Dunia (*The World Halal Secretariat*) menunjukkan bahawa pasaran produk halal dunia kini berjumlah USD 2.3 trilion dengan 67% daripadanya (iaitu USD 1.4 trilion) terdiri daripada makanan dan minuman, ubat-ubatan atau farmaseutikal sebanyak 22 peratus iaitu USD506 billion, dan kosmetik serta barang solekan diri sebanyak USD230 billion (*Halal Journal*, keluaran Julai dan Ogos, 2010, Kasehdia Sdn Bhd Kuala Lumpur Malaysia, 27).

Dengan potensi dan peluang yang terbuka luas demikian, maka amatlah wajar dan strategik apabila pihak berkuasa Malaysia telah menubuhkan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (*Halal Industry Development Corporation (HDC)*), pada 18 September 2006. Fungsi utamanya ialah menyelaraskan pembangunan industri halal Malaysia secara menyeluruh, di samping memantau pembangunan piawai halal, audit dan pensijilan serta peningkatan keupayaan penyediaan produk dan perkhidmatan halal. Perbadanan juga berperanan menggalakkan penyertaan dan peningkatan syarikat-syarikat Malaysia dalam pasaran halal secara global.

8. Penutup

Sesungguhnya isu halal haram ialah isu umat Islam global, dan kebanyakan negara yang ada penduduk Islam hampir di seluruh dunia mempunyai badan-badan pengesahan halal bagi pelbagai bahan dan produk. Oleh itu keperluan dan tanggungjawab melakukan penyelidikan, pembangunan dan perkhidmatan halal amatlah besar dan sangat mendesak di negara-negara di

mana terdapat umat Islam di seluruh dunia. Di samping keperluan dan tanggungjawab ini, peluang perdagangan halal global amatlah besar dengan nilai USD 2.3 trilion dan boleh menjadi satu sumber kekuatan ekonomi umat Islam yang boleh menandingi ekonomi umat-umat yang lain di peringkat negara masing-masing dan juga di peringkat global. Oleh itu umat Islam dan organisasi kaum Muslimin seharusnya memainkan peranan bukan setakat menjalankan penyelidikan demi penentusahan dan pembangunan barangan halal tetapi juga berkecimpung secara aktif dalam perdagangan halal global.

Sememangnya menjadi tugas dan tanggungjawab bagi setiap orang Islam untuk menegakkan kesucian halal dalam makanan dan barangan yang mereka guna dalam kehidupan seharian. Setiap orang Islam hendaklah memainkan peranan ini demi menyumbang kepada kebajikan dan kesejahteraan seluruh umat dan untuk memastikan kesucian dalam makanan, minuman, ubatan, dan pakaian mereka. Demi memenuhi tanggungjawab dan peranan ini, IPPH, UPM beriltizam menjalankan penyelidikan dan pembangunan produk halal seperti yang ditunjangi oleh visinya “Menjunjung Kesucian Halal Melalui Penyelidikan dan Perkhidmatan” dan misinya “Komitmen Menyeluruh Terhadap Perusahaan dan Globalisasi Halal”. Di samping itu turut diperkukuhkan dengan pelaksanaan kegiatan penyelidikan, program latihan, pembangunan bahan halal, kerjasama dengan pelbagai organisasi lain dalam penyelidikan dan pembangunan halal.

Namun, satu perkara yang amat penting ialah pembudayaan dan pemupukan ilmu halal di Alam Melayu, iaitu di Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura, Selatan Thai, Selatan Filipina dan Kampuchea hendaklah digiatkan dengan perantaraan bahasa Melayu. Ini adalah kerana pelaksanaan demikian akan menghasilkan kefahaman yang mendalam di kalangan orang Melayu tentang ilmu halal sebagai kebijaksanaan watan rumpun Melayu sendiri, iaitu rumpun yang

ditakdir oleh Allah SWT sebagai satu daripada kelompok Muslim terbesar di dunia. Dengan penyampaian ilmu halal ini dalam bahasa Melayu maka jati diri Melayu dapat disemai dan dipupuk dalam ilmu dan teknologi halal ini yang sesuai dengan ekosistem alam Melayu sendiri, dan menjadikan ilmu halal ini benar-benar sebagai kebijaksanaan watan alam Melayu. Juga dengan penggunaan bahasa Melayu dalam sains dan teknologi halal ini, proses pengintelektualan bahasa Melayu dapat ditingkatkan seiring dengan perkembangan terkini ilmu sains dan teknologi dan mengangkatannya sebagai satu daripada bahasa dunia yang utama.

Wa l-Lāhu `a`lamu bi s-sowāb wa l-hamdu li-Lāhi r-Rabbi al-`ālamīn.

RUJUKAN:

- Al-Attas, S.M.N., 1978. *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur: ABIM, cetakan kedua pada tahun 1993. Kuala Lumpur: ISTAC.
- al-Bukhari, Muhammad Ibn Isma‘il. 1979. *Sahih Bukhari. 8 vols.* Istanbul: Al-Maktabah al-Islamiyyah. trans. Muhammad Muhsin Khan. Lahore: Kazi Publications.
- Deuraseh, Nurdeng “Lawful and unlawful foods in Islamic law focus on Islamic medical and ethical aspects”, in *the International Food Research Journal*, Vol. 16 Issue 4, 2009, 469-478.
- _____, Pandangan Semesta Masyarakat Melayu di Malaysia Pespective Perubatan Tardisional, *International Journal of Social Policy and Society*, Vol. 7, 2010, pp. 80-89.
- Halal Journal*, keluaran Julai dan Ogos, 2010, Kasehdia Sdn Bhd Kuala Lumpur Malaysia.
- al-Marbawi, Idris. *Qamus Idris al-Marbawi Arab-Melayu (H 1350/M 1931: 372)*.
- al-Qaradawi. Yusuf. 1960 repr. 1989. *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Cairo: Maktabah al-Wahbah, repr., Kuwait: I.I.F.S.O.
- al-Qaradawi. Yusuf. 1993. *al-Muntaqa min Kitab al-Tarhib wa al-Tarhib li al-Mundhiri. 2 vols.* al-Mansurah: Dar al-Wafa’ li al-Tiba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘.
- Elgood. C. 1951 repr. 1979. *A Medical History of Persia and Eastern Caliphate*. Cambridge: Cambridge University Press. repr. Amsterdam: Apa-philos Press.
- <http://www.pewforum.org/The-Future-of-the-Global-Muslim-Population.aspx>
- <http://www.jotasean.com/2009/10/muslims-of-asean.html>
- I. Doi, A. Rahman. 1984. *Shari‘ah: The Islamic Law*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Ibn Manzur. n.d. *Lisan al-Arab*. 6 vols. Cairo: Dar al-Ma‘arif.
- Izutsu, Toshihiko. 1959. *The Structure of the Ethical Terms in the Koran: A Study in Semantics*. Tokyo: Keio Institute of Philological Studies, Keio University.
- _____, 1966. *Ethico-Religious Concepts in the Qur’an*. Montreal: Mc Gill University.

- Khan, G.M. 1982. *Al-Dhabh, Slaying Animals for Food: The Islamic Way*. London: Islamic Medical Association & Ta Ha Publishers Ltd.
- Muhammad Samiullah. 1982. *Muslims in Alien Society*. Lahore: Islamic Publications Ltd.
- M. M. Hussaini and A. H. Sakr. 1984. *Islamic Dietary Laws and Practices*. Chicago: The Islamic Food and Nutrition Council of America.
- Muslim. 1955. ed. Fu'ad 'Abdul Baqi. *Sahih Muslim..* 4 vols. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah li al-Tiba`ah wa al-Nashr wa al-Tawzi`.
- Rahman, F. 1989. *Health and Medicine in the Islamic Tradition*. New York: Crossroad Publishing Company.
- Robert Roberts. 1925. *The Social Laws of the Qoran*. London: Curzon Press.
- Shacht. 1986, In *Encyclopaedia of Islam, New Edition*. Leiden: E.J. Brill, s.v. "Maita".
- Vire, F. 1986. In *Encyclopaedia of Islam, New Edition*. Leiden: E.J. Brill, s.v. "khinzir".
- Vardit Rispler-Chaim. 1993. *Islamic Medical Ethics in the Twentieth Century*. Leiden: E.J. Brill.
- Wan Daud, Wan Mohd Nor. 1998. *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- _____, 2001. *Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Satu Fahaman Baru Yang Lebih Sempurna*, Kuala Lumpur: ISTAC.
- Webster's *New International Dictionary*. 1957. Springfield, Mass: C. Meriam Company Publishers.
-

BIODATA PEMBENTANG:

Hashim Hj Musa, Ph.D., Profesor di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, ahli Senat UPM sejak 2009, Ahli Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu Malaysia (JKTBM) sejak 2009, mantan Profesor (1995-2007) dan Pengarah (1998-2000) di Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, UM; menjadi Research Fellow di beberapa buah institusi terkenal di luar negara iaitu University of California, Berkeley (1980), School of Oriental and African Studies University of London (1992), Unversiti al-Azhar Kaherah (1987), KITLV Leiden, Holland (1993), penerima anugerah Fulbright Malaysian Islamic Scholar Award 1995, pernah menjawat Senior Visiting Research Fellow/Profesor di International Institute for Asian Studies (IIAS), Leiden, Holland (1999), telah menghasilkan 35 buah buku akademik dan lebih daripada 100 artikel dalam jurnal dan kertaskerja ilmiah, telah memenangi beberapa anugerah dan hadiah: *Hadiah Bahasa daripada Persatuan Linguistik Malaysia & Public Bank* (1996), *Hadiah Citra Pendita* daripada DBP (2000), tiga pingat emas di Expo Penyelidikan PRPI di UPM (2008, 2010, 2011), tiga pingat perak di International Expo INPEX Pittsburgh USA (2010), PECIPTA (2009, 2011), dan dua pingat gangsa di MTE (2012) dan ITEX (2012), *Anugerah Fellowship Naib Canselor Kategori Penerbitan Buku*, UPM 2012, *Darjah Kebesaran Paduka Setia Mahkota Kelantan (P.S.K)* daripada KDYMM Sultan Kelantan 2012.

Nurdeng Deuraseh, Ph.D., Prof. Madya di Fakulti Ekologi Manusia dan Ketua Laboratori Polisi dan Pengerusan Halal, Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia (UPM), pernah menjadi Sarjana Penyelidik Imam Bukhari di Oxford Centre for Islamic Studies (OXCIS) (2004) dan Profesor Pelawat di Walailak University Thailand (2012). Makalah ilmiah beliau telah diterbitkan dalam pelbagai jurnal antarabangsa seperti *The Yale Journal for Humanities in Medicine* (USA), *Islamic Culture* (India), *Arab Law Quarterly* (England), *Journal of the International Society for the History of Islamic Medicine* (Turkey dan Qatar), *Journal of Studies in History of Medicine and Science* (India), *al-Shajarah: A Journal of International Institute of Islamic Thought and Civilization* (Malaysia), *A Review of Science, Learning and Policy* (Netherlands); *Journal of Islamic Science* (India), *Journal of Bahrain Medical Society* (Bahrain), dan *World History Journal* (USA).

Salmah Jan binti Noor Muhammad, Ph.D., Pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, Kajian Ph.D. beliau ialah tentang ilmu diplomatik Melayu dalam kesusasteraan Melayu tradisional, telah menghasilkan beberapa artikel dalam jurnal berwasit dan CIJ.

Rozita binti Che Rodi, M.A., Pembantu Pengajar di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, telah mengemukakan tesis Ph.D. berjudul “Bahasa sebagai Cerminan Nilai Hati Budi Masyarakat Melayu dari sudut Medan Semantik” di UPM, telah menghasilkan lapan artikel dalam jurnal berwasit dan CIJ, empat kertas prosiding dalam persidangan kebangsaan dan antarabangsa dan satu bab dalam buku, dan telah memenangi lapan hadiah pameran penyelidikan di peringkat UPM, kebangsaan dan antarabangsa.